

Tarikh: 28 Julai 2020

No. Rujukan: ES10170016

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO KE ATAS SIME DARBY PLANTATION BERHAD - STRATEGIC OPERATING UNIT (SOU) 29, GIRAM

Sime Darby Plantation Berhad, telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan semula terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit pensijilan semula MSPO akan dijalankan seperti berikut:

1.	Nama unit pengurusan	:	Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (Sou) 29, Giram
2.	Tarikh mula audit	:	1 September 2020
3.	Tarikh akhir audit	:	4 September 2020
4.	Lokasi audit	:	Kunak, Sabah, Malaysia
5.	Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	:	8,245.01 Ha
6.	Standard yang digunakan	:	MS 2530-3:2013 and MS2530-4:2013 Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php
7.	Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	:	Mohd Zulfakar Kamaruzaman Mohd Ab Raouf Asis Rozaimee Ab Rahman



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03
ISO/TS 22003:2013 FMS
MS ISO/IEC 17021:2011 FMS
MS ISO/IEC 27006:2011 ISM
ISO/IEC 17021-1:2015 ENMS
ISO/IEC 17021-1:2015 MQMS 30092015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

SQAS/MSC/DOC/39-15
Issue 1 Rev 0

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum **4 September 2020**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Kamini A/P Seeriamoorthy
Head
Food, Agriculture and Forestry Section
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian :
Pn. Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd,
Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel : 03-55446448
Fax: 03-55446763
Email : kamini@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI _____

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas.
Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan: _____

☐ Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan: _____

☐ Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan: _____

☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan: _____

☐ Lain-lain Sila huraikan: _____

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut :

Nama : _____

Jawatan : _____

No. telefon : _____

Alamat email : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama :
Alamat :
No. tel :